



Ruj. Kami : JPNWP 800-4/5 Jld.25 (21)
Tarikh : 12 Februari 2019

YBhg. Datuk Dr. Ir. Hong Lee Pee,
Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KLESF,
Universiti Tunku Abdul Rahman,
Jalan Sungai Long, Bandar Baru Sungai Long,
Cheras, 43000 Kajang, Selangor.

Tuan,

SURAT SOKONGAN PENGANJURAN KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF): THE FAIR 2019

Dengan sukacitanya surat tuan bertarikh 8 Januari 2019 mengenai perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah meneliti permohonan yang dikemukakan dan tiada halangan untuk pihak tuan melibatkan sekolah-sekolah Kuala Lumpur bagi menjayakan program tersebut. JPWPKL mengalu-alukan tawaran kerjasama dan perkongsian pintar seperti yang disarankan.

3. Sehubungan dengan itu, JPWPKL memohon kerjasama tuan untuk mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran dan kelulusan Pengetua / Guru Besar bagi penyertaan guru.
- 3.2 Memastikan pembelajaran murid tidak terjejas dengan penglibatan guru.
- 3.3 Mendapatkan kebenaran ibu bapa / penjaga bagi penyertaan murid.
- 3.4 Mendapatkan kelulusan Pengetua / Guru Besar bagi penyertaan murid.
- 3.5 Memastikan penglibatan murid tidak mengganggu persekolahan.
- 3.6 Memastikan guru mengiringi murid yang terlibat.
- 3.7 Memastikan tiada unsur paksaan kepada murid untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan

4. JPWPKL tidak menanggung perbelanjaan untuk aktiviti ini. Oleh demikian segala perbelanjaan hendaklah ditanggung oleh pihak penganjur atau peserta. Kelulusan ini adalah untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan **tamat tempohnya pada 3 November 2019.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH ASIAH BINTI HAJI HUSIN, KMW)

Timbalan Pengarah Pendidikan,
Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat,
b.p Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
 2. Timbalan Pengarah Pendidikan, Semua Pejabat Pendidikan Wilayah.
 3. Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan.
 4. Ketua Unit Kokurikulum.
 5. Fail.